

Kenaikan kos hidup kebimbangan utama

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Rakyat Malaysia bimbang dengan kenaikan kos hidup dan mahukan pengurangan cukai pendapatan serta lebih banyak usaha membendung jenayah dan menyediakan skim perumahan mampu milik, demikian menurut satu hasil kaji selidik yang dijalankan oleh iProperty.com Malaysia.

iProperty.com Malaysia, yang merupakan sebahagian daripada REA Group, adalah portal hartanah utama negara yang menawarkan senarai hartanah menyeluruh, perkhidmatan hartanah berkaitan dan perkhidmatan pemasaran projek.

Ketika negara menunggu pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober ini, iProperty.com Malaysia telah menjalankan kaji selidik dalam talian yang disertai kira-kira 300 responden, mengetengahkan isu-isu besar yang memberi kesan kepada rakyat Malaysia, kata Ketua Pegawai Operasi Antarabangsa REA Group, Arthur Charlaftis dalam satu kenyataan.

"Kami melihat kenaikan ketara kos hidup di Malaysia, termasuk kenaikan harga bahan api, tol

um 19/10

Malaysia's No.1 Property Website

dan pengangkutan awam, serta pengenalan cukai barang dan perkhidmatan tahun lepas, yang memberi kesan besar kepada keluarga Malaysia," kata Charlaftis.

Keputusan kaji selidik itu juga menunjukkan rakyat Malaysia berharap dapat melihat Bajet 2017 menyediakan lebih banyak skim perumahan mampu milik.

"Malaysia mempunyai penduduk dan tenaga kerja yang agak muda, dan terdapat permintaan tinggi bagi hartanah kediaman mampu milik di pusat-pusat bandar utama.

"Dengan kos pengangkutan juga meningkat, segmen pencari hartanah muda dan semakin berkembang ini mencari hartanah di bandar-bandar, dan biasanya hampir dengan tempat kerja mereka," katanya.

Menurut Laporan Keadaan Isi Rumah II yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), pendapatan isi rumah bulanan pertengahan pada 2104 ialah RM4,585 manakala purata pendapatan bulanan ialah RM6,141. - BERNAMA